

Headline	Fahami logo halal seragam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	17	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm <sup>2</sup>
Journalist	AMINUDIN MANSOR	AdValue	RM 1,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,132



# Fahami logo halal seragam

AMINUDIN MANSOR

PENYERAGAMAN logo halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mulai 1 Januari 2012 lalu memberi ketenangan kepada umat Islam di negara ini. Jika selama ini terdapat lebih daripada enam logo halal yang tidak sah dan mengelirukan mereka. Pelbagai bentuk logo halal yang terdapat di negara ini, bukan sahaja mengelirukan tetapi mengundang keraguan tentang status halalnya.

Justeru, kempen kesedaran kepada pengguna khususnya orang ramai dan juga pihak restoran, kedai makan, gerai dan sebagainya seharusnya dilakukan dari semasa ke semasa. Hal ini dapat membantu memberi kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam kepada orang Islam.

Justeru, pelbagai barang makanan seperti daging lembu yang diimport juga tertakluk kepada logo halal

yang dikeluarkan Jakim. Sebenarnya pengeluaran logo halal yang seragam ini tidak menyusahkan mana-mana pihak, ia lebih memudahkan pengguna dan juga pihak restoran dan kedai makan.

Jakim menggunakan kemudahan penyelidikan saintifik yang terbaik dan lengkap dalam memastikan setiap produk dikeluarkan, diimport benar-

benar memenuhi tuntutan halal.

Ini bertepatan dengan firman ALLAH SWT yang bermaksud: "*Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu.*" (al-Baqarah:168).

Jelaslah setiap yang halal itu baik untuk kesihatan kita. Makanan yang halal akan menyumbang kepada kesihatan badan dan juga kekuatan akal fikiran dan fizikal.

Jika selama ini terdapat premis perniagaan, restoran dan pengusaha makanan menggantung logo halal palsu dengan ayat al-Quran dan sebagainya dengan berlatarbelakangkan Islam, untuk menarik pelanggan Islam, namun semuanya itu belum tentu halal. Dengan ada sijil halal yang sah dan betul daripada Jakim keraguan ini tidak lagi timbul.

Logo halal Jakim yang seragam, menjadikan orang Islam faham dan sedar tentang kepentingan makanan halal dan juga mengelakkan keraguan mereka. Ini juga sebagai peringatan kepada pengusaha restoran bukan Islam yang masih berdegil dengan

menggantung sijil halal palsu di premis mereka.

Operasi pemantauan diadakan pada setiap hari oleh pihak Jakim, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menguatkuasakan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang.

Difahamkan, operasi yang dilakukan sekarang lebih kepada kempen kesedaran. Jika ada premis yang diperiksa menggunakan logo atau ungkapan halal termasuk penggunaan ayat al-Quran akan dirampas.

Justeru, pertubuhan atau perbadanan yang didapati bersalah boleh dikenakan denda maksimum RM5 juta dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya tidak melebihi RM10 juta.

Orang ramai mengharapkan pemantauan dan pelaksanaan ini dilakukan secara berterusan. Kita tidak mahu ia hanya dilakukan bermusim dan akan menyebabkan mereka yang degil terus menggunakan logo palsu untuk mengelirukan orang ramai, khususnya umat Islam.

\* **Penulis pengamal media, PhD Persuratan Melayu, UKM.**